

AKHBAR : SELANGORKINI

TARIKH : 14 – 20 MAC 2018

Elak insiden sama berulang

Pantau gerak kerja SPLASH



Mohamed Azmin ketika merasmikan projek pembangunan loji rawatan air Sungai Semenyih 2, pada 27 Februari lalu.

OLEH NORHAYATI UMOR

AMPANG - Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) digesa terus memantau kerja penyelenggaraan Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berulang.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, hal

itu kerana Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa ke atas syarikat konsesi terbabit.

"SPAN mempunyai garis panduan dan jadual penyelenggaraan yang di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

"Bagaimanapun, kita akan meminta SPAN sentiasa memantau dari semasa ke semasa," katanya

Mohamed Azmin turut memaklumkan kerja pembaikan dan penyelenggaraan paip siap dilaksanakan sepenuhnya dengan bekalan air pulih seperti sedia kala.

Terdahulu, Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) sudah mula beroperasi dengan purata kapasiti 830 juta liter sehari (JLH).

Kerajaan Negeri hanya pantau dan bantu

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan kerja penyelenggaraan terhadap sebarang fasiliti di Loji Rawatan Air (LRA) SSP 3 yang dimiliki Syarikat Pengeluaran Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH).

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Syarikat Air Selangor hanya menyedari sesuatu tidak kena apabila mendapati pengeluaran air di loji terbabit jatuh sebelum memohon Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melakukan siasatan.

"Fasiliti yang bermasalah ini milik SPLASH bukan aset Kerajaan Negeri dan kita sedang dalam proses mengambil alih SPLASH tetapi belum selesai.

"Kedua pihak diberi tempoh sehingga Julai ini untuk menyelesaikan pengambilalihan, jadi kalau bukan rumah kita, maka bukan aset kita dan bagaimana hendak jalankan kerja penyelenggaraan," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri turut mencadangkan tindakan segera diambil bagi mengatasi kerosakan yang berlaku terhadap fasiliti milik SPLASH itu.

Bagaimanapun, Mohamed Azmin berkata, SPAN mengeluarkan garis panduan memaklumkan kerja penyelenggaraan tidak boleh dijalankan seminggu sebelum dan selepas hari sesuatu perayaan.

"Keadaan itu menyebabkan SPLASH terpaksa menunggu sehingga 6 Mac lalu untuk menjalankan kerja penyelenggaraan aset dan berlakunya kejadian tidak diingini yang merosakkan lima batang paip Sistem Mampatan Udara bersaiz 1,100 milimeter sehingga mencederakan lima pekerja.

"Sekali lagi, kita tidak boleh masuk untuk membaiki kerosakan ini tetapi mengambil sikap proaktif menghubungkan SPAN yang membenarkan Kerajaan Negeri dan Air Selangor membantu SPLASH," katanya.

